



*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**6 November 2019**

1. Penzalim Ke-2 dihukum : Harian Metro
2. 60 ayam kena curi : Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : Local</b>	<b>Muka Surat</b> <input type="text" value="6"/>	<b>RUANGAN :</b>	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input checked="" type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
<b>6.11.2019</b>			

Oleh Sarah Zulkifli  
sarah@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**P**ekerja kontrak yang videonya tular kerana membunuh kucing bunting dalam mesin pengering pakaian dihukum penjara 34 bulan dan didenda RM40,000 oleh Mahkamah Sesyen Selayang, semalam selepas didapati bersalah atas pertuduhan menyebabkan penderitaan terhadap haiwan itu.

Hakim Rasyihah Ghazali menjatuhkan hukuman itu terhadap K Ganesh, 42, selepas mendapati pihak pendakwa berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah terhadap tertuduh.

Mahkamah memerintahkan hukuman itu berjalan bermula semalam dan penjara empat bulan lagi jika gagal membayar denda terbabit.

Dalam penghakimannya, Rasyihah berkata, keputusan dibuat selepas mahkamah mendengar dan meneliti keterangan semua saksi pendakwaan dan pembelaan secara maksimum serta hujahan lisan oleh kedua-dua pihak.

"Mahkamah mengambil kira tertuduh individu yang memasukkan kucing ke dalam mesin pengering pakaian dan mengunci haiwan itu ketika kejadian.

"Hukuman yang diberikan ini diharap dapat memberikan pengajaran kepada tertuduh dan masyarakat supaya tidak menzalimi haiwan," katanya.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa dengan kejamnya atau secara tidak munasabah membuat atau meninggalkan untuk melakukannya perbuatan menyebabkan kesakitan atau penderitaan yang tidak sepatutnya pada kucing.

Kejadian didakwa berlaku di premis Dobi Queen Self Service Laundry, Jalan Gombak Ria, Taman Gombak Ria, Batu Caves dekat sini, antara jam 12.54 tengah malam dan 1 pagi, 11 September 2018.

Dia didakwa mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 29(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Seramai lapan saksi pendakwa dan seorang saksi pembelaan dipanggil memberikan keterangan sepanjang perbicaraan kes itu yang bermula pada 3 April lalu.

Mahkamah turut membenarkan penangguhan pelaksanaan hukuman sehingga rayuan di Mahkamah Tinggi dilupuskan dengan menaikkan jaminan daripada RM12,000 kepada RM20,000 serta rayuan difailkan sebelum atau pada 12 November ini.

Pada 17 Januari lalu, rakan tertuduh, A Mohanraj, 42, dipenjarakan dua tahun selepas menukar pengakuan bersalah atas kesalahan sama dan seorang lagi lelaki, SS Sathiya, 26, dilepaskan tanpa dibebaskan daripada pertuduhan sama.

**BUNUH KUCING BUNTING**

**Penzalim ke-2 dihukum**

**Penjara empat bulan lagi jika gagal bayar denda RM40,000**

**GANESH** dihukum penjara 34 bulan dan denda RM40,000 di Mahkamah Sesyen Selayang.



MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : Local</b>	<b>Muka Surat</b> <input type="text" value="6"/>	<b>RUANGAN :</b>	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
<b>6.11.2019</b>			

**Sitiawan:** Seorang penternak kerugian hampir RM1,000 selepas 60 ayam diternak dicuri tiga individu di Kampung Jelutong, Batu 8 Lekir di sini, 26 Oktober lalu.

Menerusi video dirakam kamera litar tertutup (CCTV) yang tular di media sosial sejak semalam, kejadian itu berlaku pada jam 5.04 petang.

Malah, kecurian ayam berkenaan turut berlaku pada sebelah malam dan disyaki dilakukan penceroboh sama.

Penternak berkenaan, Ahmad Lotfi Tarmizi, 57, berkata, kejadian dirakam CCTV yang dipasang di reban dan dipercayai dilakukan tiga remaja atau kanak-kanak lelaki.

"Sudah tiga kali ayam saya dicuri sejak awal tahun lalu, tetapi saya tidak pasti penceroboh orang sama atau

## 60 ayam kena curi



TIGA lelaki pakai topi keledar mencuri ayam dalam reban di Kampung Jelutong, Batu 8 Lekir.

berbeza kerana ketika itu CCTV belum dipasang.

"Biasanya kecurian berlaku pada musim perayaan, susulan itu saya pasang CCTV di reban sejak empat bulan lalu," katanya ketika di-

hubungi, semalam.

Katanya, penceroboh hanya menyedari CCTV dipasang di reban berkenaan ketika mencuri ayam pada waktu malam dan menutup sistem pemantauan itu.

## Suspek mungkin penduduk setempat

**Manjung:** Polis kini mengesan tiga remaja lelaki yang dipercayai terbabit dalam kejadian mencuri ayam ternakan di Kampung Jelutong, Batu 8 Lekir, Sitiawan di sini, 26 Oktober lalu.

Ketua Polis Daerah Manjung, Asisten Komisioner Muhammad Hanif Othman mengesahkan laporan diterima daripada penternak ayam berkenaan.

"Kami sedang mengesan tiga individu berkenaan untuk tindakan lanjut dan kami

percaya mereka penduduk sekitar dan bukannya orang luar.

"Justeru, orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kes berkenaan boleh menyalurkankannya kepada pihak polis," katanya di sini, semalam.

Katanya, kejadian itu adalah yang pertama dilaporkan dan sebelum ini pihaknya tidak menerima aduan mengenai kecurian ayam di kawasan berkenaan.

Menurutnya, setiap ekor ayam diternak boleh dijual pada harga RM15 dan setakat ini dia difahamkan dua penternak lain turut menjadi mangsa.

Susulan kejadian Ahmad Lotfi membuat laporan di Balai Polis Seri Manjung sehari selepas kejadian sebe-

lum memuat naik video berkenaan di laman YouTube.

"Tujuan saya memuat naik video itu untuk beri kesedaran dan pengajaran kepada orang ramai khusus remaja dan berharap kejadian sama tidak berulang.

"Mereka curi ayam saja tapi perbuatan ini perlu di-

pandang serius. Kalau tidak dibendung akan membawa kepada perbuatan yang lebih serius," katanya yang tinggal di Seri Manjung.

Terdahulu, satu video memaparkan tiga lelaki memakai topi mencuri ayam dalam reban tular di Facebook sejak pagi semalam.